

11/09/1999

Perdasama yakin KEB-4 buka peluang niaga

PERSATUAN Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) yakin Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) yang bermula semalam, membuka pintu kepada penerokaan perniagaan berasaskan teknologi baru di kalangan usahawan Bumiputera.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir, berkata cadangan dan resolusi yang dikemukakan pada KEB kali ini lebih menjurus dan memberi penekanan kepada usahawan Melayu supaya melihat potensi perniagaan di bidang itu.

"Kongres kali ini membuka pintu kepada perniagaan teknologi baru dan mengubah sikap pedagang daripada perniagaan tradisional kepada perniagaan moden dan berasaskan elektronik," katanya kepada Berita Harian.

Beliau ditemui selepas majlis pelancaran KEB-4 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, semalam.

Moehamad Izat, berkata ahli perniagaan Bumiputera perlu meningkatkan taraf perniagaan mereka yang sedia ada jika ingin terus bersaing pada alaf baru.

Ahli Perdasama katanya, akan memberi perhatian kepada semua cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri pada seminar kali ini demi meningkatkan taraf ekonomi ahli perniagaan Melayu.

"Wakil Perdasama seramai 40 orang pada kongres kali ini akan menjalankan kegiatan secara lebih aktif bagi menjayakan resolusi dan saranan dalam KEB-4," katanya.

Moehamad Izat berkata, penilaiannya terhadap kertas kerja dan perbincangan pada hari pertama menunjukkan kongres kali ini adalah menepati sasaran dan boleh mencapai objektifnya.

(END)